

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: HARIAN METRO (SETEMPAT)

TARIKH: 03 APRIL 2018

MUKA SURAT: 22

22

setempat

03-04-2018



HARIAN METRO

Jual rumah PPR bawah kos jawab tohmahan bankrap

Lenggong: Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi menegaskan, kerajaan Barisan Nasional (BN) tidak akan mampu membina rumah dan menjualnya kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana pada harga jauh lebih rendah dari kos, jika benar kerajaan itu bankrap.

Timbalan Perdana Menteri berkata, keupayaan BN melalui Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta pelbagai agensi melaksanakan dasar perumahan negara, terutama menjual rumah pada harga lebih rendah daripada kos melalui Projek Perumahan Rakyat (PPR), bukti kerajaan menunaikan janjinya pada Pilihan Raya Umum (PRU) lalu untuk membina satu juta perumahan untuk rakyat.

Katanya, mengambil contoh projek PPR Lenggong di sini, kerajaan akan membina 500 unit rumah keseluruhan bernilai RM94 juta, namun setiap unit dijual cuma RM35,000 berbanding kos pembinaannya RM194,000. "Mana ada pemaju buat rumah kos RM194,000 seunit dan jual pula pada harga RM35,000? Hanya kerajaan yang tidak bankrap saja boleh menjual RM35,000, er-tinya kerajaan tak bankrap itu, (sebaliknya) yang mengatakan kerajaan bankrap itu adalah mereka yang berfikir bankrap," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Program Bantu Rakyat dan Majlis Pecah Tanah PPR Lenggong di Kampung Chain di sini, semalam.

Hadir sama, Menteri Besar Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir, Ketua Setiausaha Kementerian berkenaan Datuk Seri Muhammad Mentek, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Pertanian, Perladangan, Penerangan dan Pembangunan Modal Insan negeri yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kota Tampan Datuk Saarani Mohamad, Ahli Parlimen Lenggong Da-

tuk Dr Shamsul Anuar Nasarah dan ADUN Kenering Datuk Mohd Tarmizi Idris.

Pada majlis itu, Ahmad Zahid meluluskan peruntukan RM2.73 juta bagi pembangunan dan transformasi rakyat Lenggong dengan peruntukan terbesar membabitkan penambahbaikan Maahad Tahfiz Kemukjizatan al-Quran, Pondok Air Jernih bernilai RM1 juta.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN